



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET HARAPAN PERKASA SEMULA INDUSTRI BATIK LUAR BANDAR

SUMBER : BERITA HARIAN - 20 OGOS 2026

TVET harapan perkasa semula industri batik luar bandar

Oleh Dr Nor Zamza Zuraidah Mohd Najib - Ogos 20, 2026 @ 8:15am



Kerjasama antara institusi TVET dan penggiat industri perlu diperluas bagi menjamin industri terus berkembang seiring kemajuan teknologi. - Foto hiasan

Di sebalik keindahan corak canting dan warna-warni batik menghiasi pentas fesyen antarabangsa, terselindung realiti pahit di bengkel batik luar bandar yang semakin lengang daripada tenaga muda.

Warisan berusia lebih 2,000 tahun itu, terutama berkembang sebagai sumber ekonomi komuniti di Kelantan, Terengganu dan Pahang, kini berdepan ancaman senyap apabila tenaga kerja mahir semakin berkurangan.

Batik bukan sekadar produk tekstil, sebaliknya lambang identiti budaya, sumber pendapatan isi rumah dan aset pelancongan negara.

Namun, sebagai industri berintensifkan buruh, kelangsungannya amat bergantung kepada tenaga mahir dalam setiap peringkat pengeluaran, daripada mereka corak, mencanting dan mewarna hinggalah jahitan serta kemasan akhir.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET HARAPAN PERKASA SEMULA INDUSTRI BATIK LUAR BANDAR

SUMBER : BERITA HARIAN - 20 OGOS 2026

Dalam konteks ini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sepatutnya menjadi jambatan menghubungkan generasi muda dengan industri. Namun, sejauh mana sistem itu benar-benar memenuhi keperluan industri batik.

Malaysia sebenarnya mempunyai rangkaian institusi TVET luas dengan lebih 1,100 institusi latihan kemahiran di bawah pelbagai kementerian dan agensi.

Selain Institut Latihan Perindustrian (ILP), GIATMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Vokasional dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), terdapat kursus khusus seperti Operasi Pengeluaran Batik bertujuan melahirkan tenaga mahir dalam bidang berkenaan.

Kerajaan turut menetapkan sasaran 70 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti aliran TVET menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Namun, kadar kebolehpasaran graduan TVET yang tinggi, iaitu 88.9 peratus, tidak semestinya bermakna graduan kekal bekerja dalam bidang yang dipelajari.

Inilah paradoks dihadapi industri batik. Latihan disediakan, tetapi pengekalan tenaga kerja masih menjadi persoalan.

Antara cabaran utama ialah persepsi terhadap kerjaya dalam industri batik yang masih dianggap tradisional dan kurang menjanjikan masa depan.

Perluas potensi pasaran batik

Tanggapan itu perlu diubah kerana pasaran batik kini tidak lagi terhad kepada pelanggan tempatan, malah mempunyai potensi di pasaran antarabangsa.

Pada masa sama, terdapat jurang antara kurikulum TVET dengan tuntutan industri kreatif moden.

Pengusaha hari ini bukan sahaja perlu mahir mencanting, tetapi turut perlu menguasai reka bentuk kontemporari, penjenamaan, pemasaran digital, pengurusan perniagaan dan strategi eksport.

Kemahiran tambahan ini penting bagi memastikan produk batik bukan sekadar cantik, tetapi mampu bersaing dari segi nilai, jenama dan pasaran.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET HARAPAN PERKASA SEMULA INDUSTRI BATIK LUAR BANDAR

SUMBER : BERITA HARIAN - 20 OGOS 2026

Cabaran lain ialah tempoh latihan. Kemahiran seni batik tradisional tidak boleh dikuasai dalam masa singkat kerana memerlukan latihan berulang, pengalaman dan bimbingan penggiat industri.

Lebih penting, graduan memerlukan sokongan selepas tamat latihan. Tanpa modal, akses pasaran, jaringan perniagaan dan pembiayaan mikro, kemahiran diperoleh berisiko terhenti begitu sahaja apabila mereka pulang ke kampung.

Usaha Kraftangan Malaysia menggalakkan kepelbagaian teknik dan reka bentuk perlu terus diperkukuh bagi memenuhi cita rasa pasaran yang semakin pelbagai.

Platform promosi seperti Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026 juga boleh dimanfaatkan untuk menjadikan batik bukan sekadar cenderamata, tetapi produk kreatif bernilai tinggi mempunyai identiti Malaysia.

Pada masa sama, kerjasama antara institusi TVET dan penggiat industri perlu diperluas. Peserta latihan wajar didedahkan bukan hanya kepada teknik mencanting, tetapi aspek penjenamaan, nilai tambah produk, pemasaran digital dan kesediaan eksport.

Kurikulum TVET batik juga perlu disemak secara berkala supaya sentiasa seiring dengan kehendak industri.

Insentif khusus seperti biasiswa, pengiktirafan usahawan batik muda, pembiayaan mikro, ruang perniagaan bersama dan akses kepada platform e-dagang boleh membantu menjadikan bidang ini lebih menarik kepada generasi baharu.

Kerjasama tiga hala antara kerajaan, institusi pendidikan dan penggiat industri juga perlu diperkukuh supaya latihan tidak terpisah daripada realiti pasaran.

Batik bukan sekadar corak di atas kain, sebaliknya cerminan identiti, kreativiti dan mata pencarian komuniti.

Jika TVET mampu diperkasakan bersama ekosistem keusahawanan kukuh, industri ini bukan sahaja boleh diselamatkan daripada kehilangan tenaga mahir, malah berpotensi menjadi pemacu ekonomi kreatif luar bandar.

Canting yang hampir padam itu masih boleh dinyalakan semula. Namun, untuk memastikan apinya terus menyala, generasi muda perlu diyakinkan batik bukan warisan masa lalu semata-mata, tetapi kerjaya dan industri masa depan.

Penulis adalah Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA, UUM)

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH